

**PERNYATAAN PENTING UNTUK  
PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI KESYUKURAN 2023**

**Kita harus menumpukan perhatian kepada Kristus sebagai satu-satunya pusat kita yang ditetapkan Tuhan, bukan kepada orang, benda, atau perkara yang lain selain Kristus; bagi semua masalah, terutamanya masalah perpecahan, satu-satunya penyelesaian ialah menikmati Kristus yang almuhit.**

**Menikmati Tuan mempunyai banyak aspek—  
keriangan dalam hadirat Tuan,  
keriangan hidup dalam percintaan divin,  
keriangan pendispenan divin daripada Trinitas Divin,  
keriangan minum sungai kegirangan Tuhan,  
keriangan mengenali kasih Tuhan,  
keriangan melakukan kehendak Tuhan,  
keriangan berasa cukup dalam segala keadaan,  
dan masuk ke dalam keriangannya Tuan dalam kingdom.**

**Catatan riwayat hidup Yusuf merupakan wahi tentang pemerintahan Roh itu, kerana pemerintahan Roh itu ialah aspek meraja bagi seorang pekudus yang matang; pemerintahan Roh itu (suatu kehidupan yang meraja dalam hayat, yang berada di bawah pengendalian dan pembatasan hayat divin dalam realiti kingdom Tuhan) adalah lebih tinggi daripada mana-mana aspek lain Roh itu.**

**Keriangan yang terletak di hadapan kita ialah Tuan Yesus, yakni Pengantin Lelaki, akan datang mendapatkan pengantin perempuan-Nya yang telah mempersiapkan diri—  
kematangan pengantin perempuan,  
pembinaan pengantin perempuan,  
keadilan kebenaran pengantin perempuan,  
kecantikan pengantin perempuan,  
dan pengantin perempuan menjadi pejuang untuk mengalahkan musuh Tuhan.**

**Garis Kasar Mesej untuk  
Persidangan Pembauran Hari Kesyukuran  
23-26 November 2023**

**SUBJEK AM:  
KENIKMATAN TERHADAP KRISTUS DAN  
PERTUMBUHAN KITA DALAM HAYAT  
SEHINGGA MENCAPAI KEMATANGAN**

Mesej Satu

**Menikmati Kristus Almuhit  
Merupakan Satu-satunya Penyelesaian  
bagi Semua Masalah dalam Gereja**

Bacaan Bible: 1 Kor. 1:2, 9; 2:9-10; 13:1-8; Yer. 2:13; Rat. 3:22-24

- I. Satu Korintus ialah buku tentang menikmati Kristus almuhit sebagai satu-satunya penyelesaian bagi semua masalah dalam gereja; hasrat Tuhan dalam pemulihan-Nya adalah untuk memulihkan Kristus sebagai satu-satunya pusat ekonomi Tuhan dan sebagai segala-gala kepada kita untuk menjadi bahagian kita bagi kita nikmati—1:2, 9, 24, 30:**
- A. Kita semua telah dipanggil ke dalam persekutuan Kristus, yakni kenikmatan terhadap Kristus (ay. 9); perkataan *persekutuan* mengandungi pemikiran tentang kenikmatan; Kristus ialah bahagian peruntukan kita yang diberi Tuhan kepada kita untuk kita nikmati (ay. 2; Kol. 1:12).
  - B. Dalam 1 Korintus, tujuan dutus Paulus adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam kalangan pekudus di Korintus; satu-satunya penyelesaian bagi semua masalah, terutamanya masalah perpecahan, ialah menikmati Kristus yang almuhit.
  - C. Kita harus menumpukan perhatian kepada Kristus, bukan kepada orang, benda, atau perkara yang lain selain Kristus; kita harus berfokus kepada Kristus sebagai satu-satunya pusat kita yang ditetapkan Tuhan supaya semua masalah dalam kalangan percayawan dapat diselesaikan—1:9; Kol. 1:17b, 18b.
  - D. Matlamat kita ialah menikmati Kristus dengan sepenuhnya dan beroleh Kristus dengan sepenuhnya untuk membina Tubuh Kristus; sebagai hasilnya, kita akan menikmati Kristus ke tahap tertinggi sebagai hadiah kita dalam kingdom milenium—Flp. 3:14; Mat. 25:21, 23.
  - E. Kita perlu menjadi orang yang memikirkan “satu hal itu”; *satu hal itu* dalam Filipi merujuk kepada pengetahuan, pengalaman, dan kenikmatan yang subjektif terhadap Kristus; satu hal itu ialah mengejar Kristus agar beroleh-Nya dan memiliki-Nya—2:2, 5; 1:20-21; 3:7-14; 4:13.
  - F. Memikirkan sesuatu yang lain selain satu hal itu bererti memberontak terhadap ekonomi Tuhan; ekonomi Tuhan ialah kita memikirkan satu hal itu; dalam kehidupan gereja, kita perlu membantu semua pekudus memikirkan satu hal itu; pemikiran kita harus berfokus pada dan dipenuhi kenikmatan terhadap Kristus untuk kehidupan gereja, kehidupan Tubuh.
  - G. Satu Korintus mewahikan bahawa Tuhan telah memberi kita Kristus almuhit, yang mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh butir kekayaan, sebagai bahagian kita untuk kita nikmati; rahsia kehidupan orang Kristian dan kehidupan gereja ialah kita menikmati Kristus—1:9:
    - 1. Kita perlu menikmati Kristus sebagai bahagian yang diberi Tuhan kepada kita—ay. 2.
    - 2. Kita perlu menikmati Kristus sebagai kudrat Tuhan dan kearifan Tuhan yang menjadi keadilan, pengudusan, dan penebusan kepada kita—ay. 24, 30.

3. Kita perlu menikmati Kristus sebagai Tuan kemuliaan, bahkan sebagai Raja kemuliaan, untuk pemuliaan kita—2:7-8; Roma 8:30; Mzm. 24:6-10.
4. Kita perlu menikmati Kristus sebagai kedalaman Tuhan (hal-hal Tuhan yang dalam)—1 Kor. 2:10.
5. Kita perlu menikmati Kristus sebagai satu-satunya asas bagi bangunan Tuhan—3:11.
6. Kita perlu menikmati Kristus sebagai Paskah kita (5:7), roti tidak beragi (ay. 8), makanan rohani, minuman rohani, dan batuan rohani (10:3-4).
7. Kita perlu menikmati Kristus sebagai Kepala (11:3; Kol. 2:19; Ef. 1:19-23) dan Tubuh (1 Kor. 12:12, 24-25a; Ef. 4:15-16).
8. Kita perlu menikmati Kristus sebagai buah sulung (1 Kor. 15:20, 23), manusia kedua (ay. 47), dan Adam terakhir, yang telah menjadi Roh beri-hayat (ay. 45), untuk menjadi segala-gala kepada kita.

**II. Tuhan adalah setia untuk memanggil kita ke dalam persekutuan Anak-Nya, ke dalam kenikmatan terhadap Anak-Nya, namun sering kali kita tidak setia kepada panggilan-Nya semasa Dia memanggil kita ke dalam hasrat-Nya—1:9; Yer. 2:13; Rat. 3:22-24:**

- A. Dalam ekonomi Tuhan, Tuhan berhasrat untuk menjadi sumber, punca air hidup, supaya Dia dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam kita demi kepuasan dan kenikmatan kita; matlamat kenikmatan ini adalah untuk menghasilkan gereja, pasangan Tuhan, sebagai pertambahan Tuhan, pembesaran Tuhan, untuk menjadi kepenuhan Tuhan demi ekspresi-Nya—Yoh. 3:29-30; Ef. 3:16-19, 21.
- B. Satu-satunya jalan untuk menerima Tuhan sebagai sumber air hidup adalah dengan minum-Nya dan mengalirkan-Nya keluar hari demi hari; untuk ini, kita perlu terus-menerus menyeru Tuan (dengan menyanyi, bersyukur, bergirang, berdoa, memuji, dan memberitahu orang tentang kerja penyelamatan Tuhan)—Mzm. 36:8-9; Yes. 12:3-6; 1 Kor. 12:13; Yoh. 7:37-39; 4:10, 14; Roma 10:12-13; 1 Tes. 5:16-18.
- C. Umat Tuhan tidak menikmati Tuhan dengan minum-Nya; sebaliknya mereka tidak setia terhadap-Nya dengan melakukan dua kejahatan—“Umat-Ku telah melakukan dua kejahatan: / Mereka telah meninggalkan Aku, / Sumber air hidup, / Untuk memahat bagi diri mereka takungan, / Takungan pecah / Yang tidak dapat menakung air”—Yer. 2:13:
  1. Pertama sekali, umat Tuhan meninggalkan Tuhan, sumber air mereka, asal mereka, yang merupakan kenikmatan mereka; kedua, mereka berpaling kepada sumber lain selain Tuhan, yang tidak dapat memuaskan mereka atau menjadikan mereka pembesaran Tuhan sebagai kepenuhan Tuhan demi ekspresi-Nya.
  2. Memahat takungan menggambarkan jerih payah Israel dengan menggunakan usaha manusia untuk membuat sesuatu (berhala) bagi menggantikan Tuhan; takungan itu pecah dan tidak dapat menakung air menunjukkan bahawa melainkan Tuhan didispenkan ke dalam kita sebagai air hidup untuk kita nikmati, tidak ada apa-apa yang dapat menghilangkan kehausan kita dan menjadikan kita pertambahan Tuhan demi ekspresi-Nya—Yoh. 4:13-14.
- D. Keadaan jahat orang durjana ialah mereka tidak datang kepada Tuan untuk makan, minum, dan menikmati Tuan; mereka melakukan banyak perkara, namun mereka tidak datang menghubungi Tuan, mengambil-Nya, menerima-Nya, mengecap-Nya, dan menikmati-Nya; di mata Tuhan, tidak ada apa-apa yang lebih jahat daripada ini—Yes. 57:20; bd. 55:1-2, 6-7.
- E. Meskipun kita tidak setia, Tuhan adalah setia, namun kesetiaan-Nya bukan menurut kefahaman atau konsep alamiah kita:
  1. Tuhan dengan setianya mengambil pergi berhala kita; apa-apa dalam kita yang kita kasihi lebih daripada Tuan atau yang menggantikan Tuan dalam kehidupan kita ialah berhala—Yeh. 14:3; 1 Yoh. 5:21.

2. Keamanan luaran dalam sekitaran kita, keselesaan dan kesenangan peribadi kita, serta harta milik kita boleh menjadi berhala kita yang menyesatkan kita; namun Tuhan dengan setianya mengambil pergi benda-benda ini supaya kita dapat minum Dia sebagai sumber air hidup.
3. Tuhan dengan setianya mengizinkan kita menghadapi masalah supaya kita belajar tidak menaruh keyakinan pada diri kita tetapi pada-Nya, dan supaya Dia dapat memimpin kita ke dalam ekonomi-Nya untuk kita menikmati Kristus, menyerap Kristus, minum Kristus, makan Kristus, dan mengasimilasikan Kristus agar Tuhan dapat bertambah dalam kita bagi menggenapkan ekonomi-Nya—Yer. 17:7-8; 2 Kor. 1:8-9; Yoh. 16:33; 1 Kor. 10:3-4; 12:13.
4. Tuhan tidak berminat dalam apa-apa selain kenikmatan kita terhadap Kristus; kita mungkin beranggapan bahawa kita tidak lagi ada harapan kerana kita telah gagal, tetapi pada Tuhan tidak ada kekecewaan; kegagalan kita semata-mata membuka jalan bagi Kristus masuk untuk menjadi segala-gala kepada kita, membolehkan Dia membawa kita mencapai kematangan—Roma 8:28-29; Ibr. 6:1a; Kej. 37:1 dan nota kaki; 47:7 dan nota kaki.

**III. Satu Korintus mewahikan bahawa cara menikmati Tuan adalah dengan mengasihi-Nya (2:9-10; 16:22) dan mengasihi satu sama lain (13:1-8a); pemulihan Tuan ialah pemulihan mengasihi Tuan Yesus dengan kasih pertama (Wahi 2:4; 1 Yoh. 4:19) dan mengasihi satu sama lain demi pembinaan Tubuh Kristus yang organik (Ef. 4:16):**

- A. Kita mengasihi Tuan merupakan hal yang tidak boleh kurang; ini membolehkan kita masuk ke dalam hati-Nya dan menanggapi-faham segala rahsia yang terkandung dalam hati-Nya, serta membolehkan kita memahami dan berbahagian dalam hal-hal yang dalam dan tersembunyi yang telah ditetapkan dan disediakan Tuhan untuk kita—1 Kor. 2:9-10; Mat. 22:37-38; Mzm. 73:25; 116:1-2:
  1. Isi kandungan kehidupan gereja bergantung pada kenikmatan terhadap Kristus; semakin banyak kita menikmati-Nya, semakin kayalah isi kandungan kehidupan gereja; namun untuk menikmati Kristus, kita perlu mengasihi-Nya dengan kasih pertama—Wahi 2:4-5, 7.
  2. Kejatuhan gereja bermula dengan kita meninggalkan kasih pertama terhadap Tuan; mengasihi Tuan dengan kasih pertama, kasih terbaik, bererti memberi Tuan tempat terunggul, tempat pertama, dalam segala sesuatu, didesak oleh kasih-Nya untuk menghargai-Nya dan mengambil Dia sebagai segala-gala dalam kehidupan kita—ay. 4-5; Kol. 1:18b; 2 Kor. 5:14-15; Mrk. 12:30; Mzm. 73:25-26.
  3. Hayat yang kita terima semasa kita percaya kepada Tuan Yesus ialah satu persona, dan satu-satunya jalan untuk mengaplikasikan dan menikmati persona ini adalah dengan mengasihi-Nya dengan kasih pertama; oleh sebab Tuan Yesus yang merupakan hayat kita ialah satu persona, kita perlu mempunyai perhubungan yang baru dengan-Nya untuk menikmati hadirat-Nya sekarang pada saat ini dan juga setiap hari—Yoh. 11:25; 14:5-6; 1 Tim. 1:14; Yoh. 14:21, 23; 2 Kor. 5:14-15; Wahi 2:4-7; Kol. 1:18b; Roma 6:4; 7:6.
  4. Kita harus menjadi orang yang dilimpahi kasih Kristus; kasih divin haruslah seperti arus besar dan deras yang merempuh kita, mendesak kita hidup terhadap-Nya dan mengasihi-Nya ke tahap kemuncak di luar kawalan kita sendiri—2 Kor. 5:14.
  5. Untuk mengasihi Tuan ke tahap kemuncak, kita perlu menjadi orang yang berhasrat dan mencari untuk mendiami rumah Tuhan seumur hidup kita, menatap keindahan-Nya (kecantikan, kebaikan, keelokan-Nya), serta memohon kepada Tuhan dalam bait-Nya; memohon kepada Tuhan bererti menyemak dengan Tuhan berkenaan setiap hal dalam kehidupan harian kita—Mzm. 27:4.

- B. Kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan segala hal demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik—1 Kor. 12:31b—13:8, 13; bd. 14:1, 3, 4b:
1. “Pengetahuan membuat orang angkuh, tetapi kasih membina orang”; selepas kita mendengar mesej-mesej ministri, kita mungkin menjadi angkuh kerana mendapat sedikit pengetahuan—8:1b; bd. 2 Kor. 3:6.
  2. Apabila hukum Roh hayat sebagai hukum kasih (Roma 8:2; Gal. 6:2-3) diaktifkan dalam kita, jerih lelah kita dalam Tuan ialah jerih lelah kasih (1 Kor. 15:58; 1 Tes. 1:3), yang dalamnya kita membantu dan menopang yang lemah (Kis. 20:35; 1 Tes. 5:14); yang lemah merujuk kepada orang yang lemah, sama ada dalam roh, sukma, atau tubuh, ataupun lemah dalam iktikad.
  3. Kristus yang kita kasihi ialah Kristus yang mengasihi gereja (Ef. 5:25); apabila kita mengasihi-Nya, kita akan mengasihi gereja seperti Dia; kehidupan gereja ialah kehidupan kasih sesama dikbang (1 Yoh. 4:7-8; 2 Yoh. 5-6; Yoh. 15:12, 17; Wahi 3:7; Ef. 5:2; bd. Yud. 12a), dan Tubuh membina dengan sendiri dalam kasih (Ef. 4:16).
  4. Roh yang diberikan Tuhan kepada kita, iaitu roh yang dilahirkan, ialah roh kasih; kita perlu mempunyai roh kasih yang membara-bara untuk mengatasi kejatuhan gereja hari ini—2 Tim. 1:7; Roma 12:10-11.
  5. Semakin kita masuk ke dalam pengalaman dan kenikmatan berbaaur bersama-sama demi kesatuan, pembinaan, dan realiti Tubuh Kristus, semakin benarlah kasih kita terhadap satu sama lain—1 Kor. 12:14-27; Roma 16:1-16; Kol. 4:16; Yoh. 12:24; Im. 2:4-5.